



ALTERNATIF GANJARAN SEUMPAMA PAHALA IBADAT HAJI DAN UMRAH ERA PANDEMIK COVID-19: SUATU ANALISIS AWAL

ALTERNATIVE FOR HAJJ AND UMRAH REWARDS IN COVID-19 PANDEMIC ERA: A PRELIMINARY ANALYSIS

^{1*} Lukmanul Hakim Hanafi & ² Syed Najihuddin Syed Hassan

¹ Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

² Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

* Corresponding author. E-mail: lukmanul@usim.edu.my

ABSTRACT

This paper aims to explain and discuss the alternatives to obtain similar rewards as hajj and umrah for Muslims or future hajj and umrah pilgrims who are obstructed to leave for the Holy Land of Mecca in the COVID-19 pandemic season, at the same time without dropping the obligation of hajj and umrah in the future. To achieve the objectives of this writing, the library method was used to collect data and content analysis was used to analyze all the documents. The study found that there are histories of the Prophet S.A.W. in the Qur'an and Hadith which explains how to obtain rewards as similar to the rewards of hajj and umrah in the practices of daily life, and also for Muslims who are unable to perform hajj and umrah in the Holy Land of Mecca but want the similar rewards of hajj and umrah. It is hoped that the findings from this research will be a 'cure' and 'ilāj for Muslims who are sad and unable to perform hajj and umrah in the Holy Land of Mecca and then be satisfied and think well of the planning of Allah S.W.T.. It is suggested that future researchers construct modules or models related to this study.

Keywords: *Umrah, Hajj, COVID-19, Alternatives, Fiqh al-Ibadat*



ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menerangkan dan menjelaskan bagaimana alternatif memperoleh pahala seumpama haji dan umrah bagi umat Islam atau bakal jemaah haji dan umrah yang tertahan untuk berangkat ke Tanah Suci Mekah di musim pandemik COVID-19. Ianya tanpa menggugurkan kewajipan pelaksanaannya pada masa akan datang. Bagi mencapai objektif penulisan ini, metode kepustakaan telah digunakan untuk mengumpul data dan analisis kandungan pula digunakan untuk menganalisis semua dokumen tersebut. Kajian mendapati terdapat sirah-sirah Rasulullah S.A.W. di dalam al-Quran dan Hadis yang menerangkan bagaimana memperoleh pahala seumpama ganjaran haji dan umrah dalam amalan-amalan kehidupan seharian, dan juga bagi umat Islam yang tidak mampu mengerjakan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah tetapi berhajat kepada ganjaran pahala Haji dan umrah. Diharapkan dapatan dari penulisan ini akan menjadi penawar dan *'ilāj* bagi umat Islam yang bersedih tidak mampu menunaikan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah seterusnya reda dan bersangka baik atas ketentuan Allah S.W.T.. Kajian lanjut dicadangkan untuk menilai taraf dalil-dalil terutamanya dari hadis dan dicadangkan agar penyelidik akan datang membina modul atau model berkaitan dengan kajian ini.

Kata Kunci: *Umrah, Haji, COVID-19, Alternatif, Fiqh al-ibadat*

Pengenalan

Di era pandemik COVID-19 ketika ini, ramai bakal jemaah haji dan umrah yang bersedih setelah membuat persiapan yang rapi seperti menghadiri kursus haji dan umrah, mengumpulkan perbelanjaan, mendaftar haji dan menunggu gilirannya, persiapan fizikal dan mental, namun tiba-tiba tidak dibenarkan menunaikannya di atas sebab pandemik COVID-19. Ini dibuktikan apabila hanya 10,000 jemaah haji dunia yang tinggal di dalam negara Arab Saudi sahaja yang dibenarkan melaksanakan Ibadah Haji pada musim Haji tahun 2020 yang lepas berbanding hampir 2.5 juta hingga 4 juta jemaah dari serata dunia pada tahun sebelum-sebelumnya. Ia dianggap jumlah terkecil dalam sejarah moden berikutan tindakan kerajaan Arab Saudi menghadkan jumlah jemaah bagi mengekang penularan COVID-19. Perkara ini berlarutan hingga ke musim haji 2021.

Ibadat Haji Dan Umrah

Al-Zuhaili mentakrifkan haji sebagai "Menziarahi tempat tertentu dalam masa tertentu untuk pekerjaan tertentu". Sebutan ziarah bermaksud pergi, tempat tertentu pula bermakna "Kaabah" dan Arafah"; masa tertentu pula bermaksud "pada bulan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijah, khususnya 10 hari bahagian awal dalam bulan tersebut. Perbuatan tertentu pula bermaksud "datang ke tempat tertentu dengan berihram dan berniat untuk mengerjakan haji. Umrah pula dari segi bahasa bermakna ziarah atau dengan makna lain menuju ke tempat yang makmur. Ia sesuai dinamakan demikian kerana ia boleh dilakukan sepanjang umur seseorang. Definisi umrah



mengikut syarak ialah mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah (لِلنَّسِكِ) iaitu tawaf dan sai (al-Zuhayli, 1999).

Pensyariatan Ibadat Haji Dan Umrah Dari Perspektif Al-Quran Dan Hadis

Fardu haji termasuk juga umrah merupakan salah satu daripada lima Rukun Islam. Hukumnya ialah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang mukalaf dan mampu. Firman Allah S.W.T. :

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: "Dan Sempurnakanlah Ibadat Haji dan umrah Kerana Allah S.W.T."

(Surah al-Baqarah: 2: 196)

Sabda Rasulullah S.A.W.:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَأَقَامُ الصَّلَاةَ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةَ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Terjemahan: "Didirikan Islam itu atas lima rukun: Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah S.W.T. dan bahawasanya Muhammad S.A.W. itu pesuruh Allah S.W.T., mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan Haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan."

(Riwayat Bukhari: 1987: 7; Muslim: 2007: 21)

Mengikut pendapat yang sahih, ia difardukan pada penghujung tahun ke-9 hijrah. Ini berdasarkan ayat al-Quran mengenai kefarduannya iaitu firman Allah S.W.T.:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
عَنِ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: "Dan Allah S.W.T. mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar) kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

(Surah al-Imran, 3: 97)

Ayat tersebut telah diturunkan pada penghujung tahun ke-9 hijrah sebagaimana pendapat kebanyakan ulama'. Dengan itu Rasulullah S.A.W. tidaklah melewatkan pelaksanaannya sehingga satu tahun. Rasulullah S.A.W. hanya melakukan ibadat ini dalam tahun ke-10 hijrah



dengan bersebab iaitu ayat ini turun setelah masa mengerjakannya berlalu. Pekerjaan haji yang Rasulullah S.A.W. lakukan selepas hijrah adalah sekali iaitu di tahun ke 10 hijrah seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim (al-Zuhayli, 1999: 4).

Hal ini juga berdasarkan hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, yang mana sabda Rasulullah S.A.W. kepada rombongan Abd al-Qais yang menemui Baginda pada awal tahun ke-9 hijrah, dan bertanya tentang perintah yang wajib mereka lakukan;

مُرْكُم بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ، وَأَقَامِ الصَّلَاةَ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةَ وَالْحَجَّ وَصَوْمَ رَمَضَانَ،
وَأَنْ تُعْطُوا الْخُمْسَ مِنَ الْمَغْنَمِ

Terjemahan: "Aku perintahkan kamu beriman kepada Allah S.W.T. mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menyerahkan 1/5 daripada harta rampasan perang".

(Riwayat Bukhari, 1987: 7556)

Justeru, sekiranya telah difardukan sebelum tarikh tersebut tentulah Baginda S.A.W. menyebutkannya bersama-sama perintah yang diarahkan kepada mereka (al-Zuhayli, 1999: 5).

Hukum Dan Kedudukan Ibadat Haji Dan Umrah Dari Perspektif Fiqh Islami

Ibadat haji merupakan rukun Islam yang kelima. Ia diwajibkan oleh Allah S.W.T. ke atas orang yang mampu sekali sahaja sepanjang hayatnya. Begitu juga dengan ibadat umrah. Mengikut pendapat ulama' Mazhab Shafi'i dan Hanbali, kedua-dua ibadat tersebut adalah wajib dilakukan berdasarkan firman Allah S.W.T. (al-Bakri, 2011: 68):

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: Dan Sempurnakanlah Ibadat Haji dan umrah Kerana Allah S.W.T.

(al-Baqarah: 2: 196)

Nabi Muhammad S.A.W. telah melakukan umrah sebanyak empat kali, semuanya dalam bulan Zulkaedah kecuali yang dilakukan bersama dengan hajinya. Kali pertama Baginda S.A.W. melakukannya dalam tahun keenam hijrah dilakukan dari Hudaibiyah; kali kedua pada tahun ketujuh hijrah iaitu umrah qada'; kali ketiganya dalam tahun kelapan hijrah, iaitu tahun pembukaan Makkah; dan kali keempatnya dikerjakan bersama dengan hajinya iaitu Baginda S.A.W. berihram pada bulan Zulkaedah dan melakukannya dalam bulan Zulhijah. Al-Qadi Husain, seorang ulama' daripada Mazhab Shafi'i berkata; "Ibadat haji adalah paling afdal (utama) kerana ia meliputi penggunaan harta dan amalan fizikal". Al-Halimiy pula berkata; "Ibadat haji merangkumi semua pengertian ibadat; orang yang mengerjakan haji seolah-olah dia berpuasa,



bersembahyang, beriktikaf, berzakat dan berjuang serta berperang di jalan Allah S.W.T.. Ibadat haji merupakan ibadat paling utama sama dengan keimanan itu sendiri" (Al-Zuhaili, 1999: 6).

Berkemampuan/Istitā'ah Sebagai Syarat Wajib Haji Dan Umrah

Haji adalah salah satu dari rukun Islam yang wajib kepada umat Islam yang cukup syarat dan berkemampuan. Maka bermula syarat jatuhnya wajib ke atas umat Islam menunaikan ibadat haji dan umrah jika memenuhi lima perkara iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkuasa. (al-Fatani, 2004: 104). *Istitā'ah* bermaksud kemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah. Ibadat haji dan umrah hanya wajib ke atas orang yang berupaya dan berkemampuan. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا وَمَنْ كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ
عَنِ الْعٰلَمِيْنَ

Terjemahan: Dan Allah S.W.T. mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

(Surah Ali-Imran: 3: 97)

Hal ini juga berdasarkan Hadis Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ اِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ مَا يُوجِبُ الْحَجَّ، قَالَ: الرِّاْدُ وَالرَّاحِلَةُ

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar R.A. katanya, seorang lelaki menemui Nabi Muhammad S.A.W. dan berkata, wahai Rasulullah, Apakah antara sebab yang mewajibkan haji?, Baginda S.A.W. bersabda, ada bekalan dan kenderaan.

(Riwayat al-Tirmizi)

Perkataan bekalan dan kenderaan dalam hadis ini mentafsirkan maksud perkataan berkemampuan dalam ayat al-Quran tersebut (al-Khin et. al, 2004: 21-24). Antara maksud dan syarat-syarat *istitā'ah* adalah:

1. Aman perjalanan pergi dan balik.
2. Cukup perbelanjaan dan nafkah pergi dan balik untuk dirinya.
3. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang di bawah tanggungannya.
4. Ada kenderaan pergi dan balik.
5. Sihat tubuh badan.



Fadilat dan Pahala Haji/Umrah Di Tanah Suci

Mendapat Keampunan Dosa Dari Allah S.W.T.

Disebut dalam hadis yang sahih bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Terjemahan: Di antara satu umrah kepada satu umrah yang lain adalah penghapus dosa antara keduanya dan tiada balasan bagi haji yang mabrur (diterima) melainkan syurga".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Jihad Yang Paling Utama

Mengerjakan haji merupakan jihad yang paling utama bagi menundukkan nafsu. Pahalnya sangat besar di sisi Allah S.W.T. sebagaimana yang terdapat dalam hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ: يَارَسُولَ اللَّهِ نَرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ أَمْ لَا نُجَاهِدُ؟ قَالَ: لَا، لَكِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُورٌ.

Terjemahan: Daripada Aishah Ummul Mukminin R.A. katanya: Wahai Rasulullah S.A.W., kami berpendapat jihad adalah amalan yang paling utama, mengapakah kami tidak diberi peluang berjihad?, jawab Rasulullah S.A.W.. Bagi kamu terdapat jihad yang lebih utama (bagi menundukkan hawa nafsu) iaitu haji mabrur.

(Riwayat al-Bukhari, Nombor Hadis 2784)

Bersih Seperti Bayi Yang Baru Lahirkan

Orang yang mengerjakan haji tanpa cacat cela serta mengikut segala syarat, rukun, wajib dan adab haji, akan bersih dari segala dosanya sama seperti bayi yang baru dilahirkan.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Terjemahan: Sesiapa mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan rafath (رَفَثٌ) (iaitu larangan bercampur dengan isteri termasuk juga segala yang menimbulkan nafsu berahi, sama ada dengan perbuatan atau perkataan) dan fusuq (فُسُوقٌ) (iaitu larangan maksiat, termasuk segala



yang dilarang dalam masa mengerjakan haji seperti berburu dan lain-lain) jadilah keadaan dirinya bersih seperti baru dilahirkan oleh ibunya.

(Riwayat al-Bukhari, Nombor Hadis: 1820)

Mengelakkan Kefakiran Dan Menghapuskan Dosa

Daripada Ibn Abbas R. A. katanya Rasulullah S.A.W. bersabda:

تَابِعُوا بَيْنَ الْحُجِّ وَالْعُمْرَةِ، فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالذُّنُوبَ كَمَا يَنْفِي الْكِبْرُ خَبَثَ الْحَدِيدِ

Terjemahan: Iringilah antara haji dan umrah dari semasa ke semasa kerana kedua-duanya dapat membasmi kefakiran dan dosa sebagaimana api menghapuskan debu besi."

(Riwayat al-Nasai; 2629)

Diperkenankan Hajatnya Dan Diampunkan Dosanya

Hal ini berdasarkan hadis, Rasulullah S.A.W. bersabda:

الْعَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْحَاجُّ وَالْمُعْتِمِرُ وَقَدْ دَعَاهُمُ اللَّهُ فَأَجَابُوهُ وَسَأَلُوهُ فَأَعْطَاهُمُ

Terjemahan: Yang berperang pada jalan Allah, menunaikan haji dan umrah adalah tetamu Allah yang diseru kepada mereka, lantas mereka menyahutnya. Dan jika mereka memohon nescaya dikurniakan kepada mereka.

(Riwayat Ibn Majah, Nombor Hadis: 2893)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W. bersabda:

الْحُجَّاجُ وَالْعُمْرَارُ وَقَدْ دَعَا اللَّهُ إِنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ وَإِنْ اسْتَغْفَرُوهُ غَفَرَ لَهُمْ

Terjemahan: Jemaah haji dan umrah adalah tetamu Allah. Jika mereka meminta sesuatu, nescaya Allah akan mengabulkannya dan jika mereka memohon keampunan, nescaya Allah akan mengampunkannya.

(Riwayat al-Nasaie)



Didoakan Keampunan Oleh Rasulullah S.A.W.

Rasulullah S.A.W. mendoakan keampunan dosa bagi mereka yang mengerjakan haji, sebagaimana doa Rasulullah S.A.W.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْحَاجِّ وَلِمَنْ اسْتَغْفَرَ لَهُ الْحَاجُّ

Terjemahan: Ya Allah! ampunilah (dosa-dosa orang yang menunaikan haji dan (dosa-dosa) orang yang dipohon oleh orang yang mengerjakan haji.

(Riwayat al-Hakim)

Permasalahan Tertahan Menunaikan Ibadat Haji Dan Umrah

Permasalahan jemaah haji dan umrah tertahan menunaikan ibadat haji dan umrah bermula tatkala dunia diserang dan dilanda wabak pandemik penyakit COVID-19 pada musim haji 2020 dan 2021, manakala ibadat umrah pula mula terkesan akibat wabak COVID-19 pada akhir bulan Februari 2020. Data Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menunjukkan berjuta-juta penduduk dunia telah meninggal dunia akibat daripada serangan wabak penyakit COVID-19 ini.

Keadaan *mashaqqah* atau berbahaya ini telah menyebabkan Kerajaan Arab Saudi menutup semua pintu sempadan masuk negaranya bagi mengekang penularan jangkitan penyakit COVID-19 ini, di samping untuk menjaga kemaslahatan dan nyawa rakyat Arab Saudi dan penduduk dunia amnya berdasarkan Maqāsid Syariah dan kaedah *usul fiqh, sadd al-dharā'i* (Zaidan, 1993: 244) di samping tidak memenuhi syarat wajib haji dan umrah iaitu *istitā'ah* seperti yang dijelaskan di atas kerana masalah keselamatan nyawa, kesihatan dan tidak aman perjalanan.

Walaupun ramai bakal-bakal jemaah Haji dan umrah dunia yang bersedih, namun para jemaah dunia termasuk dari Malaysia tetap akur dengan apa yang berlaku, di samping berharap dan berdoa semoga suatu hari nanti pandemik COVID-19 ini akan berakhir, dan para jemaah dapat kembali menunaikan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah di samping menziarahi junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. di Madinah al-Munawwarah.

Tidak wajib haji dan umrah ke atas orang yang bimbang akan ancaman musuh terhadap diri atau hartanya disebabkan ada kemudaratan. Begitu juga, sekiranya dikhuatiri terdapat bahaya dalam perjalanan seperti berlaku peperangan atau berlaku wabak (al-Bakri: 2011: 69). Hal ini berdasarkan Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Terjemahan: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil).

(al-Baqarah: 2: 195)

Ia juga merangkumi perjalanan yang aman sama ada nyawa dan harta benda. Sekiranya merasa bimbang terhadap dirinya daripada penyamun, wabak penyakit, harta (al-Bakri: 2011: 70). Maka, dia juga termasuk dan tergolong sebagai orang yang tidak mempunyai *istitā'ah*. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh:



إِنَّ كُلَّ تَصَرُّفٍ جَرَّ فَسَادًا أَوْ دَفَعَ صَلاَحًا فَهُوَ مَنِيٌّ عَنْهُ

Terjemahan: Bahawa setiap tindakan yang membawa kerosakan atau yang menolak kemaslahatan, maka ianya ditegah.

(al-Nadwi, 2000: 143).

Seperti yang telah dijelaskan di atas, iaitu di dalam syarat wajib haji dan umrah di era musim pandemik COVID-19 ini, bakal jemaah haji dan umrah tidak mencukupi syarat *istitā'ah*. Oleh kerana itu, para bakal-bakal jemaah tidak wajib melaksanakan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah pada tahun 2020 dan 2021, walaupun wang simpanan telah mencukupi dan giliran dari Lembaga Tabung Haji Malaysia telah diperolehi. Hal ini kerana syarat wajib haji dan umrah itu adalah berdasarkan lima (5) perkara iaitu Islam, baliqh, berakal, merdeka dan *istitā'ah*. Oleh kerana salah satu syarat tidak dipenuhi iaitu *istitā'ah* atau kemampuan seperti yang telah dijelaskan di atas iaitu salah satu dari maksud *istitā'ah* adalah keselamatan nyawa dan terhindar dari bahaya seperti wabak penyakit COVID-19, maka kerana itu tidak wajib hukumnya menunaikan ibadat haji dan umrah pada tahun 2020 dan 2021 ini.

Alternatif Memperolehi Pahala Haji Dan Umrah

Oleh kerana nikmat pahala haji dan umrah adalah amat besar seperti disebut di atas, dan para jemaah dan umat Islam amat berhajat kepadanya. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat sirah-sirah Rasulullah S.A.W. di dalam al-Quran dan hadis yang menerangkan bagaimana memperolehi pahala haji dan umrah dalam amalan-amalan ibadat kehidupan umat Islam seharian, khususnya bagi Umat Islam yang tidak mampu mengerjakan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah tetapi berhajat kepada pahala dan ganjaran pahala Haji dan umrah.

Terdapat hadis-hadis Rasulullah S.A.W. yang menerangkan bagaimana amalan memperolehi pahala haji dan umrah walaupun tidak melaksanakannya berdasarkan Rukun dan wajib haji dan umrah, diantaranya yang masyhur ialah "melaksanakan ibadat umrah pada bulan Ramadhan, maka terhasil baginya pahala ibadat haji" dan juga amalan "berwuduk di tempat tinggal, kemudian pergi solat sunat dua rakaat di Masjid Quba, maka terhasil baginya pahala ibadat umrah". Namun begitu, kedua-dua contoh amalan ini walaupun ianya mendapat pahala haji dan umrah, tetapi para jemaah dan umat Islam tetap kena pergi ke Tanah Suci Mekah bagi menunaikannya. Permasalahan di sini ialah, jemaah dan umat Islam tertahan kerana pandemik COVID-19 dan tidak mampu ke Tanah Suci Mekah dan Madinah. Sehubungan itu, solusi dan penyelesaiannya, maka dibentangkan diantara amalan-amalan ibadat seharian yang di ajar dan disebut Baginda Rasulullah S.A.W. yang mana apabila para jemaah dan Umat Islam menunaikannya maka terhasillah ganjaran pahala haji dan umrah. Antara amalan tersebut ialah:



Berwuduk Ketika Menuju Ke Masjid

Dari Abu Umamah R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُتَطَهِّرًا إِلَى صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْحَاجِّ الْمُحْرِمِ
وَمَنْ خَرَجَ إِلَى تَسْبِيحِ الضُّحَى لَا يُنْصِبُهُ إِلَّا إِيَّاهُ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْمُعْتَمِرِ
وَصَلَاةٌ عَلَى أَثَرِ صَلَاةٍ لَا لَغْوَ بَيْنَهُمَا كِتَابٌ فِي عِلِّيَّينَ

Terjemahan: Barang siapa keluar dari rumahnya dalam keadaan bersuci menuju solat fardu, maka pahalanya seperti pahala orang yang menunaikan haji. Dan barang siapa keluar untuk solat duha, yang mana dia tidak melakukannya kecuali kerana itu, maka pahalanya seperti pahala orang yang menunaikan umrah.

(Riwayat Abu Daud, Nombor Hadis: 558)

Solat Fardu Berjemaah Dan Solat Sunat Duha Dan Sunat Di Masjid

Dari Abu Umamah R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَنْ مَشَى إِلَى صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ فِي الْجَمَاعَةِ فَهِيَ كَحَجَّةٍ وَمَنْ مَشَى إِلَى صَلَاةٍ
تَطَوُّعٍ فَهِيَ كَعُمْرَةٍ نَافِلَةٍ

Terjemahan: Sesiapa yang berjalan menuju solat fardu berjemaah, maka ia seperti melakukan haji. Dan sesiapa yang berjalan menuju solat sunnah, maka ia seperti melakukan umrah yang sunat.

(Riwayat al-Thabrani)

Dari Abu Umamah R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُتَطَهِّرًا إِلَى صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْحَاجِّ الْمُحْرِمِ
وَمَنْ خَرَجَ إِلَى تَسْبِيحِ الضُّحَى لَا يُنْصِبُهُ إِلَّا إِيَّاهُ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْمُعْتَمِرِ
وَصَلَاةٌ عَلَى أَثَرِ صَلَاةٍ لَا لَغْوَ بَيْنَهُمَا كِتَابٌ فِي عِلِّيَّينَ

Terjemahan: "Barang siapa keluar dari rumahnya dalam keadaan bersuci menuju solat fardu, maka pahalanya seperti pahala orang yang menunaikan haji. Dan barang siapa keluar untuk solat sunat duha, yang dia tidak melakukannya kecuali kerana itu, maka pahalanya seperti pahala orang yang mengerjakan umrah. Dan (melakukan) solat setelah solat



lainnya, tidak melakukan perkara sia-sia antara keduanya, maka pahalanya ditulis di 'illiyin (kitab catatan amal orang-orang salih).

(Riwayat Abu Daud: 522)

Solat Subuh Berjemaah, Duduk Berzikir Hingga Terbit Matahari, Solat Dua Rakaat

Dari Anas Bin Malik R.A, Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى
الْعَدَاةَ فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ
كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
تَامَّةً تَامَّةً تَامَّةً

Terjemahan: "Barang siapa yang mengerjakan solat Subuh berjemaah, kemudian duduk berzikir hingga terbit matahari, kemudian diikuti solat sunat dua rakaat, maka baginya pahala seperti haji dan umrah. Berkata (Anas R. A.) Rasulullah S.A.W. bersabda: "Sempurna, sempurna, sempurna".

(Riwayat Tirmizi, Nombor Hadis: 480, 586)

Mempelajari Dan Mengajar Kebaikan Di Masjid

Dari Abu Umamah R.A, Rasulullah S.A.W. bersabda:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ لَا يُرِيدُ إِلَّا أَنْ يَتَعَلَّمَ خَيْرًا أَوْ يُعَلِّمَهُ، كَانَ لَهُ كَأَجْرِ
حَاجٍّ تَامًا حَجَّتُهُ

Terjemahan: "Sesiapa yang berangkat ke masjid yang ia inginkan hanyalah untuk belajar kebaikan atau mengajarkan kebaikan, ia akan mendapatkan pahala Haji yang sempurna Hajinya." (Hasan Shahih)

(Riwayat al-Thabrani)

Berbakti Kepada Ibubapa

Rasulullah S.A.W. sangat menganjurkan umatnya agar berbakti kepada kedua ibu bapanya.

Dari Anas bin Malik R. A. ia berkata kepada Rasulullah S.A.W.:



إِنِّي أَشْتَرِي الْجِهَادَ وَلَا أَقْدِرُ عَلَيْهِ، قَالَ: هَلْ بَقِيَ مِنْ وَالِدَيْكَ أَحَدٌ؟ قَالَ:
أُمِّي، قَالَ: فَأَبْلِ اللَّهَ فِي بَرِّهَا، فَإِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ فَأَنْتَ حَاجٌّ، وَمُعْتَمِرٌ،
وَمُجَاهِدٌ، فَإِذَا رَضِيتَ عَنْكَ أُمُّكَ فَاتَّقِ اللَّهَ وَبِرَّهَا

Terjemahan: Ada seseorang yang mendatangi Rasulullah S.A.W. dan ia sangat ingin pergi berjihad namun tidak mampu. Rasulullah S.A.W. bertanya padanya apakah salah satu dari kedua orang tuanya masih hidup. Ia jawab, ibunya masih hidup. Rasul pun berkata padanya, "Bertakwalah pada Allah dengan berbuat baik pada ibumu. Jika engkau berbuat baik padanya, maka kedudukannya adalah seperti mengerjakan haji, umrah dan berjihad.

(Riwayat al-Thabrani)

Pandangan Fiqh Diantara Perbezaan Pahala dan Kefarduan Menunaikan Haji dan umrah

Walaupun para jemaah dan umat Islam melaksanakan amalan-amalan seperti disebut di atas seperti berwuduk ketika menuju ke masjid, solat fardu berjemaah dan solat sunat duha dan sunat di masjid, solat subuh berjemaah, duduk berzikir hingga terbit matahari lalu solat 2 rakaat, mempelajari dan mengajar kebaikan di masjid, dan berbakti kepada ibubapa yang mana terhasil pahala haji dan umrah dari amalan-amalan ini. Namun ia hanya semata-mata pahala dan tidak sama dengan perintah dan kefarduan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. kepada umat Islam. Kewajipan menunaikannya tidak gugur dan Umat Islam tetap wajib menunaikannya sekali seumur hidup.

Ibadat Haji dan umrah adalah difardukan untuk melakukan sekali sahaja dalam seumur hidup. Semua ulama' sepakat dalam hal ini (al-Zuhayli, 1999: 10-17). Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Baqarah ayat 196 dan Surah Al-Hajj ayat 27 dan 28.

Kesimpulan

Agama Islam penuh dengan rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T. walaupun umat Islam atau bakal-bakal 'tetamu Allah S.W.T.' tertahan untuk menunaikan ibadat haji dan umrah kerana pandemik COVID-19 atau kerana tidak mampu dari segi kewangan, kesihatan atau keuzuran. Namun, peluang untuk meraih pahala haji dan umrah itu tetap terhidang dengan amalan-amalan seperti yang diterangkan di atas. Bakal 'tetamu Allah S.W.T. dan umat Islam disarankan melaksanakan amalan-amalan seperti di atas bagi memperolehi ganjaran pahala haji dan umrah walaupun tidak dapat pergi ke Tanah Suci Mekah. Setelah berakhir pandemik COVID-19 ini atau Kerajaan Arab Saudi telah kembali membuka pintu sempadannya untuk jemaah dunia kembali mengerjakan haji dan umrah, maka wajiblah bagi yang mampu dan cukup syarat menunaikannya sekali seumur hidup di Tanah suci Mekah. Diharapkan dapatan dari kajian ini akan menjadi penawar dan 'ilāj bagi umat Islam yang bersedih tidak mampu menunaikan ibadat haji dan umrah di Tanah Suci Mekah sama ada disebabkan musim pandemik COVID-19 atau ketidakmampuan



dari syarat wajib haji dan umrah iaitu *istitā'ah* seterusnya reda dan bersangka baik atas ketentuan Allah S.W.T. kerana ibadat haji dan umrah di Baitullah adalah 'jemputan' dari Allah S.W.T..

Rujukan

- Al-Bakri, Zulkifli, (2011). *Taudih Syarah al-Idah Manasik al-Hajj wal-Umrah*. Cetakan Kedua. Bangi: Darul Syakir.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abdullah, (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Fatani, Abdul Faqir al-Fatani Muhammad Ismail Daud Fatani, (2004). *Matla Al-Badrain*. Kuala Lumpur: Jahabersa.
- Al-Khin. Mustafa, al-Bugha, Mustafa, al-Syarbaji, Ali, (2004). *Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Cetakan 1. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.
- Al-Makki, Abdul Fatah Hussain, (1995). *Kitab I'doh Fi Manasik Al-Hajj Wal-Umrah*. Cetakan 3. Makkah: Maktabah Al-Imdadiah.
- Al-Munziri, Abdul Azim, (1968). *Al-Tarhib Wa At-Tarhib*. Cetakan Ketiga. Mesir: Dar Ihya al-Turath Al-Arabi.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad. (2000). *Al-Qawaid Al-Fiqhiah*. Cetakan Kelima. Damsyik: Dar Qalam.
- Al-Zuhaili. Wahbah, (1999). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Qusyairi. Muslim Al-Hujjaj Abu Hussain, (2007) *Sahih Al-Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turas.
- Lembaga Tabung Haji Malaysia, (2008). *Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*. Cetakan Kedua. Selangor: Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Zaidan, Abdul Karim, (1993). *Al-Wajiz Fi-Usul Al-Fiqh*. Cetakan Pertama. Qaherah: Dar Tauzi' Wa Nashru Al-Islamiah.